



JKKP



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA



NCOSH
MALAYSIA

SEMINAR
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
DI IPT PERINGKAT KEBANGSAAN 2016

Ucapan Aluan Oleh:

YBHG. DATO' IR. MOHTAR BIN MUSRI
KETUA PENGARAH JKKP MALAYSIA

11 Ogos 2016 | Universiti Malaya

Rujuk Senarai Protokol

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan 2016.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di atas kesudian hadir bagi menyempurnakan perasmian program pada hari ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengkap Negara, Tan Sri Dato' Seri Paduka Dr. Haji Shafie Bin Haji Mohd Salleh kerana hadir bersama pada majlis perasmian ini.
4. Sekalung tahniah juga diucapkan kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama Majlis Negara bagi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia

(MNKKP) dengan kerjasama Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM), Universiti Malaya dan PERKESO yang membuat persediaan rapi untuk memastikan program pada hari ini berjaya dilaksanakan.

5. Ucapan tahniah dan terima kasih di atas komitmen yang tinggi kepada semua peserta yang hadir, terdiri daripada siswa-siswi dan pegawai pengiring yang menganggotai KLKM daripada pelbagai IPT seluruh Negara. Kehadiran dan penglibatan Tuan/Puan sekalian dalam menjayakan program pada hari ini amat dihargai.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya dihormati,

6. Seminar atau program seumpama hari ini merupakan kali pertama diadakan di peringkat kebangsaan. Inisiatif dan pendekatan yang dijalankan oleh pihak JKPP, MNKKP, KLKM dan rakan penganjur yang lain dilihat amat berfaedah dan memberi banyak maklumat kepada peserta dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan turut dijadikan agenda utama di dalam pentadbiran dan pengurusan IPT.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Pengisian seminar pada hari ini telah dirancang dengan teliti bagi memastikan para peserta mendapat seberapa banyak pendedahan berkaitan perundangan KKP, sistem pengurusan dan amalan KKP serta informasi kerjaya dalam bidang KKP. Harapan saya agar Tuan/Puan sekalian akan dapat memanfaatkan sebaiknya peluang dan ruang yang ada untuk mendengar sesi ceramah dan bertanyakan soalan pada sesi dialog di hujung program ini nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan sekali lagi kepada pihak penganjur serta semua pihak yang terlibat dalam merencana dan melaksanakan program pada hari ini. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Universiti Malaya yang menaja kemudahan dan tempat yang indah bagi kita mengadakan seminar pada hari ini. Kepada semua peserta yang hadir, saya amat berharap agar pengisian di dalam program hari ini dapat memberi panduan dan pemahaman tentang perundangan KKP, peluang-peluang kerjaya KKP dan selanjutnya menguruskan isu-isu keselamatan dan kesihatan di IPT masing-masing.

Kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kerana sudi hadir bagi merasmikan program pada hari ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.